



**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA PENYAKIT BERJANGKIT (PINDAAN), 2020**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pemasukan bab 62A baru ke dalam Penggal 204



## PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83 (3))

### PERINTAH AKTA PENYAKIT BERJANGKIT (PINDAAN), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

#### **Gelaran dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 30hb Januari 2020.

#### **Pemasukan bab 62A baru ke dalam Penggal 204**

2. Akta Penyakit Berjangkit adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 62 bab baru yang berikut –

#### **“Kuasa Menteri dalam hal keadaan tertentu**

**62A.** (1) Jika Menteri berpendapat bahawa tindakan segera adalah perlu untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal penyebaran sebarang penyakit berjangkit atau atas sebab lain yang boleh membahayakan kesihatan orang ramai, maka Menteri boleh mengeluarkan arahan kepada orang ramai (dengan apa-apa cara) untuk menyekat, melarang atau selainnya mengawal kelakuan mana-mana orang atau golongan orang di mana-mana tempat.

(2) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

Diperbuat pada hari ini      24      haribulan      Rejab      Tahun Hijrah 1441  
bersamaan dengan      19      haribulan      Mac      2020      di      Istana  
Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**